

# SEJARAH KEMUNCULAN TEKNIK-TEKNIK BACAAN AL-QURAN DI MALAYSIA

## 1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan wahyu Allah S.W.T yang diturunkan kepada seluruh umat manusia melalui Baginda Muhammad s.a.w. Ianya juga sebuah kitab suci yang menjadi pegangan dan panduan hidup bagi seluruh umat Islam sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ

Al-Isra' (17): 9

Terjemahan: Sesungguhnya al-Quran itu memberi petunjuk ke jalan yang paling benar.

Oleh yang demikian, wajib bagi semua umat Islam mempelajari segenap ilmu al-Quran kerana di dalamnya terdapat pelbagai pengajaran dan panduan bagi manusia dalam menghadapi krisis moral dan material masyarakat serta Negara.<sup>25</sup> Justeru, sebagai penganut agama Islam, adalah menjadi tanggungjawab (*fardu 'ain*) kepada kita untuk pandai membaca al-Quran dan memahami ajarannya dengan tepat dan betul sebagaimana yang dibaca oleh penerima al-Quran itu sendiri iaitu Baginda Muhammad s.a.w dan sebagaimana yang dibaca juga oleh para sahabat Ridwān Allah 'Alaihim.<sup>26</sup>

## 1.2 Sejarah Pengajian al-Quran di Malaysia

Sebagai permulaan, adalah lebih baik sekiranya kita mengetahui mengenai latar belakang sejarah pengajian al-Quran di Malaysia yang menyentuh mengenai cara bagaimana ilmu al-Quran itu berjaya dibawa masuk ke Malaysia di zaman lampau seterusnya diwarisi dari

<sup>25</sup> Dr. Mohd. Asin Dollah dan Zakaria Stapa, ed., "*Al-Quran Dalam Beberapa Perspektif*" (Seminar Pengajian al-Quran Peringkat Kebangsaan, cet. Pertama, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1992), 30.

<sup>26</sup> Mohd. Dzakhir Othman dan Othman Mohamad, *Pengajian al-Quran dan Tafsir* (Selangor, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992), 121.

generasi ke generasi sehingga kepada generasi hari ini. Kupasan mengenai sejarah pengajian al-Quran di Malaysia akan penulis bentangkan seperti berikut.

### 1.2.1 Sebelum Kemerdekaan

Menelusuri sejarah pengajian al-Quran di Malaysia amnya, tiada rekod yang menyatakan bilakah bermulanya pengajian al-Quran di Malaysia.<sup>27</sup> Namun, terdapat maklumat yang mengatakan pelaksanaan pendidikan Islam di Semenanjung Malaysia melalui pengajian dan pengajaran al-Quran di rumah guru-guru al-Quran telah bermula sebelum abad ke-20 lagi.<sup>28</sup>

Jika ditinjau dari sudut sejarah kemasukan agama Islam, didapati bahawa agama Islam telah sampai ke Tanah Melayu bermula di negeri Melaka dengan pengislaman Raja Melaka iaitu Parameswara<sup>29</sup> pada 1414<sup>30</sup> atau sebelum abad ke-13 Masihi<sup>31</sup> lagi. Serentak dari itu, pengajian Islam di rantau ini dan Semenanjung Malaysia telah berkembang dari semasa ke semasa serta mula diajar melalui guru-guru dari kalangan orang-orang Arab yang dipinjamkan khas dari Mekah<sup>32</sup> manakala teksnya adalah al-Quran.<sup>33</sup> Oleh yang demikian, adalah amat tidak munasabah sekiranya para pendakwah yang menyampaikan

---

<sup>27</sup> *Ibid.* 122.

<sup>28</sup> Ismail Ab. Rahman, “*Pendidikan Islam Malaysia*”, Koleksi Kertas Kerja Seminar Pendidikan Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, *Kumpulan Kertas Kerja 19*, 1992, (1972-1988), i.

<sup>29</sup> Parameswara telah menukar namanya menjadi Megat Iskandar Syah setelah memeluk agama Islam. Lihat Prof. Dr. H. Haidar Putra Daulay M.A, *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara* (cet. pertama, Jakarta: PT Rineka Cipta, 2009), 54.

<sup>30</sup> Mohd Jamil Mukmin, *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara* (Batu Berendam: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, t.p, 2004), 44.

<sup>31</sup> Kenyataan ini berdasarkan bukti penemuan dinar emas di Kelantan dalam tahun 1914 yang menandakan sebuah kerajaan Islam Kelantan telah terdiri di pertengahan kedua dari abad ke-12 Masihi. Begitu juga dengan penemuan sebuah batu nisan tertua yang dijumpai di negeri Kedah dalam tahun 1963 yang terukir di atasnya huruf Arab nama dan tarikh iaitu ‘Syaiikh Abdul Kadir Ibn Syaikh Husin Syah Alam, 291H bersamaan lebih kurang 903 Masihi. Lihat Wan Hussein Azmi (1980), *Islam di Malaysia: Kdatangan dan Perkembangan (Abad ke 7-20M)* dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. [Penulis tidak diketahui] (cet. pertama, Kuala Lumpur: United Selangor Sdn. Bhd., t.t), 135.

<sup>32</sup> Dzakir dan Othman, *Pengajian al-Quran dan Tafsir*, 122.

<sup>33</sup> Hj. Amin Maulana dan Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, “*Pengajian al-Qur’an di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah*” (Prosiding Seminar Warisan al-Qur’an dan al-Hadith Nusantara, Jilid 1, Pengajian al-Qur’an, 27-28 Ogos 2008, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 231.

seruan Islam pada ketika itu hanya menyampaikan Islam sahaja tanpa mengajarkan pengisian dan sumber-sumber asas tentang Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah.<sup>34</sup>

Kaedah pengajian al-Quran seperti ini berjalan sehingga beberapa tahun dan kemudiannya diajar dengan lebih teratur melalui rumah-rumah orang perseorangan di kampung-kampung, masjid-masjid dan surau-sarau yang dijalankan oleh para imam<sup>35</sup> atau orang-orang yang berkemampuan membaca al-Quran,<sup>36</sup> rumah Tok Guru dan di istana.<sup>37</sup> Kelas pengajian agama Islam pula biasanya diadakan pada waktu malam<sup>38</sup> dengan dihadiri oleh golongan dewasa lelaki dan perempuan.<sup>39</sup>

Pada peringkat ini mengikut kajian ringkas mengatakan bahawa sistem pengajian yang dijalankan ketika itu tidaklah mempunyai jadual dan sukatan yang tertentu, sebaliknya hanya ditumpukan kepada membaca al-Quran. Buku yang menjadi panduan mengajar al-Quran ketika itu adalah *Muqaddam al-Qa'idah Al-Baghdadiyyah*.<sup>40</sup>

Hal ini diperkukuhkan lagi berdasarkan kepada catatan Munsyi Abdullah terhadap negeri-negeri yang dilawatinya dalam abad ke-19 di mana beliau menegaskan:

*'Maka tidaklah tentu satu atau dua tempat orang mengajar mengaji melainkan adalah dalam sepuluh dua belas rumah seorang dua orang anak-anak mengaji Quran bukannya bahasa Melayu, kerana demikianlah adat dalam segala negeri-negeri Melayu dalam dunia, maka tidaklah ia belajar*

---

<sup>34</sup> Ismail Yusoff, "Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia" (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992), xviii.

<sup>35</sup> Imam memang sejak awal lagi menjadi pemimpin agama dan dianggap layak memberi tunjuk ajar kepada anak-anak dan anggota masyarakat dalam bidang pengajian al-Quran atau perkara yang berhubung dengan agama. Lihat Amin Maulana dan Zulkifli, *Pengajian al-Quran dan Tafsir*, 231.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Dr. Hj. Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)* (cet. Pertama, Selangor: al-Rahmaniah (Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, 1990), 166.

<sup>38</sup> Pengajaran diadakan di sebelah malam kerana guru dan jemaah kelas bekerja pada waktu siang. Guru-guru terdiri daripada imam dan haji yang kadangkala berketurunan Sayid dan Sheikh. Perkara yang diajar antara lainnya adalah membaca al-Qur'an dan Tajwid, Tafsir al-Quran, Hadis, Fiqah dan Tauhid. Lihat Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah* (cet. Pertama, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993), 2.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Dzakhir dan Othman, *Pengajian al-Quran dan Tafsir*, 123.

*bahasanya melainkan bahasanya melainkan semuanya dari kecil ia mula mengaji Quran juga*.<sup>41</sup>

Terdapat pula maklumat yang mengatakan bahawa matlamat pengajian al-Quran sebelum Merdeka yang diadakan di rumah-rumah, surau dan seumpamanya adalah tidak jelas kerana tidak terdapat rekod-rekod yang mengatakan tentang tujuan ianya diadakan. Akan tetapi dipercayai bahawa tujuan utama pengajian al-Quran ketika itu ialah untuk membolehkan al-Quran dibaca dengan baik oleh semua anak tempatan. Ketika itu juga, ibubapa sangat mengambil perhatian terhadap pendidikan anak-anak melalui nilai al-Quran malahan mereka akan merasa sangat ketinggalan seandainya anak-anak mereka tidak boleh membaca al-Quran. Ini adalah kerana membaca al-Quran merupakan satu ibadat yang khusus dan salah satu rukun dalam sembahyang.<sup>42</sup> Guru-guru yang mengajar al-Quran ketika itu pula tidak menerima sebarang elaun dari pemerintah. Ganjaran yang mereka terima jika ada hanyalah sumbangan ikhlas dari ibubapa pelajar. Mereka juga tidak mengharapkan sebarang balasan kecuali keredhaan dari Allah S.W.T.<sup>43</sup>

Pada awal abad ke-19, sistem pendidikan Barat dalam bentuk pendidikan formal diperkenalkan di Tanah Melayu dan sekolah-sekolah Inggeris<sup>44</sup> turut didirikan. Namun, ianya tidak begitu mendapat sambutan dari masyarakat Melayu kerana terdapat beberapa perbezaan yang prinsipal, antara lain adalah masalah agama. Masyarakat Melayu ketika itu tetap mempertahankan institusi pendidikan mereka iaitu institusi pendidikan di rumah, masjid dan surau. Mereka menyebutnya Sekolah Quran<sup>45 46</sup>.

---

<sup>41</sup> Abdullah, *Islam Di Nusantara*, 169.

<sup>42</sup> Dzakhir dan Othman, *Pengajian al-Quran dan Tafsir*, 123.

<sup>43</sup> Ismail Ab. Rahman, "Pendidikan Islam Malaysia", i.

<sup>44</sup> Sekolah-sekolah Inggeris yang didirikan adalah *Penang Free School* di Penang pada tahun 1816, di Singapura pada tahun 1823 dan Melaka pada tahun 1826 didirikan *Free School*. Lihat Haidar, *Dinamika Pendidikan Islam*, 56.

<sup>45</sup> Sejak tahun 1854, sekolah-sekolah Quran telahpun diambil alih pentadbirannya dengan dibiayai pengajian dan diberi bantuan penuh. Kurikulumnya diubahsuai iaitu mengandungi mata pelajaran rumi di samping

Pengajian al-Quran secara tradisi yang diadakan di rumah-rumah tuan guru sebagaimana sebelumnya telah berkembang kepada pengajian yang lebih formal dan akhirnya wujudlah institusi-institusi pondok di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia.<sup>47</sup> Institusi Pengajian Pondok<sup>48</sup> di Tanah Melayu telah dikesan bermula pada akhir abad ke-17 berdasarkan catatan bahawa pada ketika itu, sudah terdapat institusi pondok di Pulau Manis, Terengganu Darul Iman.<sup>49</sup>

Antara lain tok guru yang terkenal ialah Tuan Haji Awang Muhammad Yusof Kenali yang dikenali juga sebagai Tok Kenali (1868-1933M). Hakikatnya, pengajian Islam secara pondok ini banyak membantu memantapkan perkembangan Islam di tanah air kita.<sup>50</sup> Sistem pengajian al-Quran di rumah-rumah atau di masjid-masjid terus berjalan sehingga sekarang di sesetengah tempat di negeri ini khususnya di negeri Kedah.<sup>51</sup>

Selanjutnya, penekanan kepada pengajaran al-Quran pula terus berkembang apabila A.M Skinner<sup>52</sup> menubuhkan kelas al-Quran di sekolah Melayu pada 1871. Penubuhan kelas tersebut lahir akibat rasa tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu kerana Sekolah

---

pelajaran jawi, ilmu kira-kira, kesihatan lukisan dan pelajaran agama termasuk pelajaran al-Quran. Lihat Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara*, 173.

<sup>46</sup> Haidar, *Dinamika Pendidikan Islam*, 56.

<sup>47</sup> Ismail Ab. Rahman, "Pendidikan Islam Malaysia", i.

<sup>48</sup> Institusi-institusi pengajian pondok sering ditemui di kawasan berhampiran pantai dan sungai kerana mod pengangkutan utama di zaman berkenaan adalah sampan dan perahu layar. Lihat Sufean, *Pendidikan di Malaysia*, 2.

<sup>49</sup> Pondok ini didirikan oleh Abdul Malik bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tok Pulau Manis (1650an atau 1660an bersamaan 1736M). Lihat Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran* dalam Hussain Haikal dan J Firmansya (Jakarta: Gema Insani, 1997), 34, Amin Maulana dan Zulkifli, *Pengajian al-Quran dan Tafsir*, 231.

<sup>50</sup> Dzakhir dan Othman, *Pengajian al-Quran dan Tafsir*, 123.

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> A.M Skinner adalah seorang Timbalan Majistret Province Wellesley. Beliau telah memikirkan satu rancangan yang sesuai untuk menarik minat dan kepercayaan orang Melayu terhadap pendidikan. Pada tahun 1872, A.M Skinner telah mengemukakan rancangan persekolahan dua sesi iaitu pagi dan petang. Di sebelah pagi, murid-murid mengikuti pelajaran Bahasa Melayu (dalam tulisan Jawi), Matematik, Sejarah, Ilmu Hisab dan beberapa mata pelajaran vokasional seperti pertanian dan bertukang. Di sebelah petang, murid-murid mengikuti pelajaran Bahasa Arab dan al-Quran. Rancangan Skinner ini telah mendapat sambutan daripada masyarakat Melayu bukan sahaja di Negeri-negeri Selat tetapi juga di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Johor. Malahan Negeri Sembilan (1900), Pahang (1908), Perak (1916) dan Selangor (1923) telah mengadakan undang-undang bagi memastikan ibubapa menghantar anak-anak mereka yang telah wajib bersekolah pergi ke sekolah. Lihat Sufean, *Pendidikan di Malaysia*, 12 dan 13.

Vernakular<sup>53</sup> Melayu<sup>54</sup> yang ditubuhkan sebelumnya oleh penjajah pada tahun 1856 tidak diajarkan pengajian al-Quran.<sup>55</sup> Berikutan itu, dasar *Laissez-Faire* Inggeris dalam bidang pendidikan telah mewujudkan 5 jenis<sup>56</sup> persekolahan di zaman pemerintahannya.<sup>57</sup> Keadaan sebegini telah berterusan sehinggalah kemerdekaan dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu pada 1957.<sup>58</sup>

### 1.2.2 Selepas Kemerdekaan

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pelajaran agama dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah berdasarkan Laporan Rahman Talib 1960.<sup>59</sup> Oleh yang demikian, corak dan struktur pendidikan di Semenanjung mengalami perubahan besar selepas Laporan Rahman Talib diusulkan dan Akta Pelajaran 1961 dikuatkuasakan khususnya di Semenanjung. Usul dasar yang besar dalam Laporan Rahman Talib yang telah menyebabkan reformasi dalam struktur persekolahan di Semenanjung dan kemudiannya di Sabah dan Sarawak antaranya adalah pendidikan agama Islam dimajukan mengikut perkara dalam Seksyen 49 Ordinan Pelajaran 1957<sup>60, 61</sup>.

---

<sup>53</sup> Vernakular bermaksud 'bahasa pengantar bahasa ibunda'. *Ibid*, 11.

<sup>54</sup> Sekolah Vernakular Melayu menyediakan pendidikan asas selama 4 tahun dan mendapat bantuan penuh daripada kerajaan. Walaubagaimanapun, bantuan tidak disediakan bagi kelas-kelas agama pada sesi petang. Oleh itu, yuran dikenakan ke atas murid-murid bagi membayar gaji guru-guru agama. Manakala pendidikan anak-anak Melayu di Sekolah Melayu terhenti setakat darjah 4 sahaja kerana tiada Sekolah Menengah Melayu pada waktu itu. *Ibid*, 13.

<sup>55</sup> Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, 6.

<sup>56</sup> 5 jenis persekolahan tersebut adalah Sekolah Vernakular Melayu, Sekolah Vernakular Cina, Sekolah Vernakular Tamil, Sekolah Inggeris dan Sekolah Agama Madrasah. Kewujudan vernakularisme dalam sistem pendidikan di zaman pemerintahan Inggeris adalah dipengaruhi oleh faktor politik, ekonomi, sosiobudaya dan agama. Lihat Sufean, *Pendidikan di Malaysia*, 5.

<sup>57</sup> *Ibid*.

<sup>58</sup> Aderi, "Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran", 6.

<sup>59</sup> Mohd Salleh Lebar, *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1996), 73.

<sup>60</sup> Seksyen 49 Ordinan Pelajaran 1957 menyatakan secara terperinci kedudukan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah iaitu: 1. Di mana dalam sebuah sekolah bantuan kerajaan, didapati 15 orang murid atau lebih yang beragama Islam, murid-murid itu hendaklah diajar agama Islam. 2. Pelajaran agama Islam hendaklah diajar sekurang-kurangnya 2 jam seminggu dalam waktu pengajaran sekolah. 3. Guru-guru agama yang mengajar agama Islam hendaklah terdiri dari mereka yang dibenarkan oleh pihak penguasa negeri. 4. Lembaga pengurus atau pengelola sekolah hendaklah membuat persediaan yang sepatutnya bagi pengadaan

Sungguhpun demikian, kelas-kelas al-Quran yang diajarkan di rumah-rumah guru masih lagi diteruskan.<sup>62</sup> Rentetan dari kelas-kelas al-Quran yang diajarkan secara tidak formal ini, guru-guru yang mengajar al-Quran telah diberi pengiktirafan dengan disatukan ke peringkat sekolah kebangsaan selepas ‘Sistem Pelajaran Kebangsaan’ diperkenalkan. Mereka telah diserap secara berperingkat-peringkat untuk menjadi kakitangan awam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.<sup>63</sup>

Bagi matapelajaran Pendidikan Islam pula, ianya wajib diberikan kepada murid-murid sekolah-sekolah rendah di Malaysia yang beragama Islam mulai dari Darjah Satu sehingga Darjah Enam. Pendidikan Islam pada tahap ini menekankan pembentukan individu Muslim yang mencakupi aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan serta kenegaraan. Pelajaran agama Islam pula bertumpu kepada pendidikan asas *tilāwatil Qur’an*, pembentukan akidah dan bimbingan asas *farḍu ‘ain*, pelaksanaan *farḍu ‘ain* dan *farḍu kifāyah* serta penerapan akhlak berasaskan *akhlāqul Islāmiyyah*. Sehingga kini melalui program j-QAF, didapati bahawa tujuan pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah antaranya adalah bukan hanya mampu melahirkan murid-murid yang mahir membaca al-Quran tetapi juga mampu khatam al-Quran sebelum menamatkan persekolahan peringkat sekolah rendah.<sup>64</sup> Pengajaran pendidikan agama Islam khusus kepada pelajaran al-Quran yang mencakupi pelbagai disiplin ilmu turut diberi penekanan di peringkat sekolah menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi di Malaysia.

---

pelajaran agama Islam dengan syarat lembaga pengurus atau pengelola dua buah sekolah atau lebih boleh membuat persediaan-persediaan bersama bagi pengajaran tersebut kepada murid-murid beragama Islam dalam sekolah-sekolah mereka. Lihat Haidar, *Dinamika Pendidikan Islam*, 59.

<sup>61</sup> Sufean, *Pendidikan di Malaysia*, 36.

<sup>62</sup> Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan*, 73.

<sup>63</sup> Sedek Ariffin, “Kaedah Menghafal al-Qur’an di Institusi Tahfiz al-Qur’an di Malaysia: Kajian Perbandingan di antara Kaedah Darul Quran, Jakim Dengan Kaedah al-Huffaz” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2012), 29.

<sup>64</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Buku Panduan Perlaksanaan Model Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kokurikulum* (cet. Ke-2, 2005), 78.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa sistem pendidikan yang ada pada masa sekarang merupakan warisan daripada sistem pendidikan zaman pemerintahan Inggeris sekitar tahun 1800 hingga 1956.<sup>65</sup>

### **1.3 Teknik-teknik Bacaan al-Quran di Malaysia**

Adalah tidak lengkap sekiranya penulis tidak membicarakan mengenai sejarah kemunculan teknik-teknik bacaan al-Quran yang digunakan di Malaysia sepanjang penulisan ini. Oleh yang demikian, penulis akan memulakannya dengan teknik *Baghdadiyyah* sehinggalah kepada teknik-teknik yang telah muncul dan digunapakai pada hari ini.

#### **1.3.1 Teknik *Baghdadiyyah***

Teknik ini merupakan teknik atau kaedah yang paling lama dan meluas digunakan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Justeru, kupasan yang terperinci akan dibincangkan secara menyeluruh berkenaan teknik ini.

##### **1.3.1 (a) Biografi Pengasas Teknik *Baghdadiyyah***

Teknik ini dikatakan diasaskan oleh Abu Mansor Hafzul Fikri Al-Baghdadi pada tahun 376H.<sup>66</sup> Namun, tiada maklumat secara tepat berkenaan latar belakang pengasas teknik ini kerana terdapat juga maklumat yang mengatakan bahawa pengasas teknik ini tidak dapat dikenali dan dipastikan. Ini berkemungkinan sudah menjadi kebiasaan penulis kitab zaman dahulu yang tidak mahu nama mereka dipaparkan dalam kitab atau karya yang mereka hasilkan. Berkemungkinan juga, perkara ini berlaku di atas karya kitab *Muqaddam* yang

---

<sup>65</sup> Sufean, *Pendidikan di Malaysia*, 4.

<sup>66</sup> Muhamad Anuar bin Basir, “Kaedah Pembelajaran Al-Quran di Malaysia” (Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT), Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), 3.

tidak tertulis nama pengarangnya.<sup>67</sup> Manakala nama ‘*Baghdadiyyah*’ digunakan bersempena nama ibu Negara Iraq iaitu Baghdad.<sup>68</sup>

Teknik ini kemudiannya telah diperkenalkan di Indonesia seiring dengan kedatangan saudagar Arab dari Arab dan India yang singgah di Kepulauan Indonesia.<sup>69</sup> Terdapat rekod yang mengatakan teknik ini sudah bermula semenjak dari pemerintahan *Bani ‘Abbāsiyyah* dan telah diperkenalkan di Indonesia pada awal tahun 1930an sebelum kemerdekaan.<sup>70</sup>

### 1.3.1 (b) Sejarah Kemasukan Teknik *Baghdadiyyah* ke Tanah Melayu

Teknik ini telah tersebar dan berkembang ke seluruh ceruk rantau dunia termasuklah ke Tanah Melayu sejajar dengan kedatangan Islam ke Negara ini. Ianya telahpun menjangkau lebih 1049 tahun dan telah menyumbang jasa yang amat besar kepada umat Islam.<sup>71</sup> Justeru, sudah tentulah teknik *Baghdadiyyah* menjadi teknik yang paling lama dan meluas digunakan di Malaysia. Ketika itu, masyarakat Islam Malaysia menggunakan corak pembelajaran tilawah al-Quran yang menjurus kepada pembacaan secara *talaqqī* dan *mushāfahah* iaitu pengambilan bacaan dari mulut ke mulut atau dari guru kepada pelajarinya menerusi teknik *Baghdadiyyah* atau lebih dikenali sebagai teknik ‘tradisi’.<sup>72</sup> Sepertimana halnya yang telah penulis jelaskan sebelum ini mengenai pengajian al-Quran pada zaman silam di Tanah Melayu dengan menyatakan bahawa kaedah pengajaran al-Quran yang diajarkan ketika itu adalah menggunakan kitab *Muqaddam al-Qā’idah Al-Baghdadiyyah*.

---

<sup>67</sup> Yazid Bin Muhamad Noh, “Kaedah Pengajaran al-Quran di Sekolah Agama Menengah Bestari, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Subang Jaya” (Disertasi, Universiti Malaya, 2008), 35-36.

<sup>68</sup> Engkizar Siq, “Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Membaca al-Quran Dalam Pendidikan Islam” (Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 6.

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Komari, “Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran”, (Kertas Kerja disampaikan Kepada Pelatihan Nasional Guru dan Pengelola TK-TPA, Gedung LAN Makasar, 24-26 Oktober 2008, LP3Q DPP Wahdah Islamiyah), 1.

<sup>71</sup> Anuar, “Kaedah Pembelajaran al-Quran di Malaysia”, 3.

<sup>72</sup> Mohd. Taib Bin Othman et.al, *Tamadun Islam di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 443.

Hanya pada tahun 1990an, barulah teknik *Qiraati, al-Barqy, Iqra'* dan lain-lain teknik mula dibawa masuk ke Malaysia seterusnya dikenali oleh masyarakat Islam Malaysia.

### 1.3.1 (c) Sistematika Pengajaran dan Pembelajaran Teknik *Baghdadiyyah*

Teknik *Baghdadiyyah* umumnya menggunakan teknik mengeja dan membunyikan ejaan berpandukan kitab yang diberi nama *Muqaddam*. Ianya juga menekankan aspek mengenal huruf, tanda baris dan bunyi yang terhasil melalui cara mengeja. Manakala cara untuk mengajar teknik ini adalah guru akan menyebut semua nama-nama huruf dan baris yang terlibat serta bunyi yang terhasil umpamanya dalam mengajar *Basmallah*, guru akan mengeja seperti berikut: *Ba' Sin mati bawah Bis, Mim Alif Lam Lam sabdu bawah Mil, Lam fataḥ Lā, Ha' Alif Lam Ra' sabdu bawah Hir, Ra' Ha' mati atas Rah, Mim fataḥ Mā, Nun Alif Lam Ra' bawah Nir, Ra' atas Ra, Ha' Ya' mati bawah Hi, Mim bawah Mi= Bismillāhirrahmānirrahīm.*<sup>73</sup>

Pengajaran dan pembelajaran teknik *Baghdadiyyah* ini melibatkan beberapa proses, di antaranya adalah seperti berikut<sup>74</sup>:

- a. Pengenalan nama dan bentuk huruf-huruf *Hijāiyyah* tunggal bermula dengan huruf Alif sehingga huruf Ya' dengan dimasukkan huruf Lam - Alif.
- b. Pengenalan bunyi huruf yang berbaris atas (*fataḥ*) dalam bentuk tunggal.
- c. Bunyi huruf yang berbaris di atas (*fataḥ*), di bawah (*kasrah*) dan di hadapan (*dammah*) dalam bentuk tunggal diperkenalkan secara serentak untuk membezakan bunyinya.
- d. Pengenalan bunyi huruf yang berbaris dua (*tanwīn*) dalam bentuk tunggal.

---

<sup>73</sup>Suraya Binti Mohamad, "Kemahiran Bacaan al-Quran Melalui Kaedah al-Barqiy: Satu Kajian Kes" (Disertasi, Fakulti Bahasa dan Lingusitik, Universiti Malaya, 2005), 48.

<sup>74</sup>*Ibid.*

- e. Pengenalan sebutan bacaan panjang (*mad*) dimulai dengan huruf bergabung dengan huruf Alif yang didahului dengan baris atas (*fathah*), kemudian dengan huruf Ya' yang didahului dengan baris bawah (*kasrah*) dan akhirnya dengan huruf Waw yang didahului dengan baris depan (*dammah*).
- f. Pengenalan Mim mati (*sukūn*) digabungkan dengan Mim bersabdu dalam bentuk perkataan yang sama.
- g. Latih tubi perkataan, ayat pendek dan ayat panjang yang diambil sepenuhnya dari potongan ayat-ayat al-Quran.<sup>75</sup> Pada peringkat ini, murid-murid akan membaca petikan ayat-ayat al-Quran tanpa perlu mengeja lagi.<sup>76</sup>
- h. Sekiranya murid-murid telah dapat membaca petikan ayat-ayat al-Quran tersebut, pembelajaran diteruskan dengan *Juz 'Amma* yang bermula dengan surah al-Fātihah serta diakhiri dengan surah an-Naba'.<sup>77</sup> Kebanyakan guru-guru yang menggunakan teknik ini lazimnya akan menyuruh murid-murid menghafaz terlebih dahulu surah-surah lazim seperti surah al-Fātihah sehingga surah ad-Ḍuha walaupun murid-murid itu belum mengenal huruf *Hijāiyyah* dan belum boleh membaca kalimah-kalimah pendek. Dalam teknik *Baghdadiyyah*, pelajaran ilmu Tajwid tidak diberi penekanan<sup>78</sup> tetapi diajarkan secara langsung menerusi surah-surah pendek daripada al-Quran.<sup>79</sup>
- i. Di akhir kitab *Muqaddam* dipaparkan pula pelajaran yang bersangkutan dengan ilmu fekah iaitu peraturan mengambil air sembahyang, tayammum dan perlakuan di dalam sembahyang secara bergambar.<sup>80</sup>

---

<sup>75</sup> *Ibid*, 48.

<sup>76</sup> Yazid, "Kaedah Pengajaran al-Quran", 36.

<sup>77</sup> Suraya, "Kemahiran Bacaan al-Quran", 48.

<sup>78</sup> Yazid, "Kaedah Pengajaran al-Quran", 36.

<sup>79</sup> Komari, "Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran", 1.

<sup>80</sup> Yazid, "Kaedah Pengajaran al-Quran", 37.

Dari segi masa yang diperuntukkan untuk menamatkan kitab *Muqaddam* pula adalah sekitar 3-6 tahun. Disebabkan tempoh bagi menamatkan kitab *Muqaddam* agak lama, terdapat pendapat menyatakan kebanyakan daripada mereka yang mengikuti teknik ini tidak menghabiskan keseluruhan kitab ini memandangkan ia membosankan ditambah dengan tulisan (*khat*) yang sukar dibaca kerana tidak mengikut *Rasm Uthmāni*. Oleh yang demikian, seiring dengan peredaran zaman dan percambahan idea manusia, muncullah pelbagai kaedah sebagai penambahbaikan kepada kitab *Muqaddam* atau teknik *Baghdadiyyah* ini.<sup>81</sup> Kitab *Muqaddam* juga turut mengalami transformasi dan sehingga kini telah lahir banyak kitab *Muqaddam* yang dicetak menggunakan *Rasm Uthmāni*.

#### 1.3.1 (d) Keistimewaan Teknik *Baghdadiyyah*

Terdapat beberapa kelebihan dan keistimewaan menggunakan teknik ini, antaranya adalah seperti berikut:

- a. Bahan pelajaran disusun secara bertahap.
- b. 30 huruf abjad hampir selalu ditampilkan pada setiap langkah atau cara secara utuh sebagai tema sentral.
- c. Pola bunyi dan susunan huruf (*wazan*) disusun secara rapi.
- d. Ketrampilan mengeja yang dikembangkan merupakan daya penarik yang tersendiri.
- e. Bahan tajwid secara mendasar terintegrasi dalam setiap langkah.<sup>82</sup>

Sungguhpun teknik ini telah melahirkan ramai masyarakat Melayu Islam di Malaysia yang boleh membaca al-Quran, terdapat juga pendapat yang mengatakan teknik ini mempunyai beberapa kelemahan. Di antaranya adalah:

---

<sup>81</sup> Anuar, "Kaedah Pembelajaran al-Quran di Malaysia", 4.

<sup>82</sup> Komari, "Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran", 1.

- a. Teknik mengenal huruf *Hijāiyyah*, huruf bersambung dan berbaris yang terdapat dalam buku *Muqaddam* agak ketinggalan dan tidak sesuai dengan kaedah mempelajari bahasa untuk masa sekarang.
- b. Teknik ini hanya menekankan satu aspek sahaja dari al-Quran iaitu membaca sedangkan aspek penulisan, hafalan dan kefahaman tidak diambil kira.
- c. Susunan surah-surah yang songsang atau terbalik boleh mengelirukan murid di peringkat permulaan serta melahirkan anggapan bahawa susunan surah-surah di dalam al-Quran sememangnya begitu sedangkan dari segi adabnya membaca al-Quran hendaklah mengikut urutan surah.<sup>83</sup> Ianya secara tidak langsung boleh memberi kesan kepada penyusunan bacaan dalam sembahyang.<sup>84</sup>
- d. Memerlukan masa yang lama untuk membolehkan murid-murid mahir membaca al-Quran.
- e. Penyampaian bahan terkesan berulang-ulang dengan pola yang sama setiap kali pertemuan sehingga murid-murid akan cepat jemu dan bosan.
- f. Tidak ada buku panduan khusus bagi guru sehingga matlamat pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan.<sup>85</sup>

Meskipun pandangan mengenai kekurangan teknik *Baghdadiyyah* dikemukakan, namun pada hemat penulis, teknik ini telah memberi sumbangan yang amat besar terhadap generasi terdahulu khususnya di Malaysia. Ini adalah kerana tanpa usaha ulama silam menghasilkan kitab *Muqaddam* ini, sudah tentulah generasi terdahulu tidak mampu mengenal huruf-huruf *Hijāiyyah* apatah lagi membaca al-Quran dan kekurangan inilah akhirnya akan terkesan sehingga kepada generasi hari ini. Manakala dari segi penyusunan

---

<sup>83</sup> Mohd. Zainul Arifien bin Mohd. Jaid, "Kaedah Pengajaran Tilawah dan Hafazan al-Quran", (Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, t.t), 3.

<sup>84</sup> Aderi, "Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran", 41.

<sup>85</sup> Komari, "Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran", 2.

surah-surah yang songsang selepas surah al-Fātihah sebagaimana terdapat di dalam kitab *Muqaddam* pula, penulis berpandangan bahawa berkemungkinan penyusunan seperti itu adalah bagi memudahkan murid-murid membaca al-Quran bermula dari surah-surah yang mudah atau surah-surah yang biasa didengari kemudian diikuti kepada surah-surah yang sukar dan panjang. Wallāhu a'lam.

### 1.3.2 Teknik *Qiraati*

Teknik ini merupakan salah satu di antara teknik yang diperkenalkan di Malaysia di awal tahun 90an. Selanjutnya, penulis akan memperincikan lagi maklumat mengenai teknik ini.

#### 1.3.2 (a) Biografi Pengasas Teknik *Qiraati*

Teknik ini telah diasaskan oleh Ustaz Haji Dahlan Salim Zarkasyi pada tahun 1963. Beliau telah dilahirkan di Kampung Kebun Arum, Semarang, Jakarta, Indonesia pada tahun 1928 yang kemudiannya dibesarkan dalam sebuah keluarga sederhana.<sup>86</sup> Sebelum kelahiran *Qiraati* pada tahun 1963, Ustaz Haji Dahlan telah mendirikan kelas pengajian al-Quran untuk kanak-kanak. Beliau menggunakan sistem *Baghdadiyyah* seperti kebanyakan institusi pengajian al-Quran di Negara Islam yang lain. Pada mulanya, beliau tidak mempunyai anggapan bahawa sistem *Baghdadiyyah* kurang berkesan. Ini kerana kebanyakan ulama terdahulu mempelajari al-Quran mengikut kaedah *Baghdadiyyah*.<sup>87</sup>

Setelah beliau menjalankan ujian membaca al-Quran terhadap kanak-kanak tersebut, beliau mendapati mereka gagal membacanya. Maka, timbullah keinginan beliau untuk mengkaji dan mengenalpasti punca kelemahan masyarakatnya dalam pembacaan al-

---

<sup>86</sup> \_\_\_\_\_, "Kertas Kerja Kursus Kaedah Pengajaran al-Qur'an", 2.

<sup>87</sup> Rihanah, "Pengajian al-Qur'an", 52-53.

Quran.<sup>88</sup> Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, beliau dapat merumuskan bahawa sistem *Baghdadiyyah* sebenarnya mudah untuk dihafaz dan bukan untuk difahami. Di samping itu, cara membacanya secara mengeja adalah terlalu lambat untuk menghasilkan sesuatu kalimah.<sup>89</sup>

Oleh yang demikian, Ustaz Haji Dahlan telah menyusun teknik *Qiraati* mulai 1963.<sup>90</sup> Teknik *Qiraati* yang diperkenalkan ini memberi maksud ‘Bacaanku’.<sup>91</sup> Pada mulanya beliau menghasilkan 10 jilid buku untuk digunakan oleh kanak-kanak berusia enam tahun ke atas. Kemudian diperkemas menjadi lapan jilid dan enam jilid pada peringkat yang seterusnya. Setelah itu, sukatan dalam jilid-jilid tersebut diseragamkan kepada lima jilid.<sup>92</sup> Kaedah ini bermula dengan memperkenalkan huruf *Hijāiyyah* hinggalah ke buku jilid lima untuk pelajaran yang lebih susah seperti bacaan huruf *qalqalah* dan sebagainya. Apabila selesai lima jilid buku tersebut, pelajar akan dilatih membaca *Juz ‘Amma* dan seterusnya al-Quran muṣḥaf *Rasm Uthmāni*.<sup>93</sup>

### 1.3.2 (b) Sejarah Kemasukan Teknik *Qiraati* ke Malaysia

Teknik ini julung-julung kalinya diperkenalkan di Malaysia pada bulan Mei 1991 oleh Ustaz Mohamad Masruh bin Ahmad. Beliau kemudiannya mendirikan Markaz *Qiraati* yang pertama di Kajang, Selangor dan dinamakan sebagai Raudhatul Mujawwidin. Dalam tempoh yang singkat, teknik *Qiraati* ini telah tersebar ke seluruh Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, sebuah jawatankuasa sukarela ditubuhkan demi menjaga

---

<sup>88</sup> Che Nordin Che Husin, “Motivasi dan Pengurusan ke Arah Kecemerlangan Kelas *Qiraati*” (Kertas Kerja Seminar Motivasi dan Pengurusan Pengajaran *Qiraati* Zon Utara, 19 Julai 1997), 4.

<sup>89</sup> Rihanah, “Pengajian al-Qur’an”, 53.

<sup>90</sup> Penulisan kaedah *Qirāati* ditulis adalah berpandukan kepada beberapa buah kitab al-Quran dari pelbagai penerbitan dan tafsir terjemahan al-Quran. Setelah beliau siap meneliti sesuatu kaedah, beliau melakukan ‘try out’ terhadap pelajar. Sekiranya mudah diterima oleh pelajar, maka tulisan itu disimpan dan jika sebaliknya, maka tulisan tersebut dikoyak. *Ibid*.

<sup>91</sup> Zainul Arifien, “Kaedah Pengajaran Tilawah dan Hafazan”, 3.

<sup>92</sup> Che Nordin, “Motivasi dan Pengurusan”, 5.

<sup>93</sup> Zainul Arifien, “Kaedah Pengajaran Tilawah dan Hafazan”, 3.

kemaslahatan dan kepentingannya. Akhirnya, badan sukarela tersebut berjaya mendapat pengiktirafan daripada pihak berkuasa tempatan. Kini, pengamal teknik *Qiraati* telah disatukan dalam satu wadah yang sah iaitu di bawah Persatuan Qiraati Malaysia<sup>94</sup> manakala Prof. Dato' Dr. Harun bin Din dilantik sebagai penasihat Qiraati Malaysia.<sup>95</sup> Buku teknik *Qiraati* telah dicetak di Malaysia buat pertama kalinya pada Julai 1991.<sup>96</sup>

Teknik ini masih lagi digunapakai dan diajarkan kepada kanak-kanak di Malaysia dalam usaha melahirkan generasi masa kini yang pintar membaca al-Quran. Antaranya adalah seperti di Taman Pendidikan al-Quran as-Safwan di Lunas, Kedah, Taman Pendidikan al-Quran Quratul Ain, Taman Pengkalan Makmur, Taiping, Perak, Taman Pendidikan al-Quran Qiraati al-Farah, Sg. Lalang, Sg. Petani, Kedah, Taman Pendidikan al-Quran al-Hidayah, Pokok Sena, Kedah dan lain-lain.

### 1.3.2 (c) Sistematika Pengajaran dan Pembelajaran teknik *Qiraati*

Sistem pengajaran teknik *Qiraati* menggariskan beberapa kaedah tertentu. Antaranya adalah:

- a. Mampu membaca huruf *Hijāiyyah* yang berharakat tanpa mengeja.
- b. Mampu dipraktikkan secara ringkas bacaan yang bertajwid.
- c. Bacaan pelajaran diberikan secara bertahap.
- d. Bahan pelajaran diberikan berdasarkan tajuk.
- e. Pelajaran yang diberikan selalu diulang-ulang.
- f. Belajar menurut kemampuan dan kecerdikan pelajar.
- g. Latihan (evolusi) dilakukan setiap hari.

---

<sup>94</sup> *Ibid*, 56.

<sup>95</sup> Taman Pendidikan Al-Quran Qiraati as-Safwan, dicapai 8 Oktober 2012, <http://qiraatiassafwan.blogspot.com>.

<sup>96</sup> Suraya, "Kemahiran Bacaan al-Quran", 52.

- h. Sederhana dalam memberikan *ta'rif* (maksud) sesuai dengan kemampuan pelajar.
- i. Memberikan motivasi dan galakan kepada pelajar.
- j. Tidak membimbing membaca.
- k. Guru meneliti dan berwaspada dalam memerhatikan bacaan secara tegas.<sup>97</sup>

#### 1.3.2 (d) Keistimewaan Teknik *Qiraati*

Secara umumnya, teknik ini sangat baik kerana membolehkan murid menguasai bacaan al-Quran dengan cepat. Bagaimanapun, ianya kurang berkesan sekiranya jumlah murid di dalam sesuatu kelas terlalu ramai sehingga boleh menyebabkan guru tidak sempat memberi bimbingan berkesan ke atas setiap murid dalam sesuatu sesi pengajaran.<sup>98</sup>

#### 1.3.3 Teknik *Hattawiyyah*<sup>99</sup>

Sebagai pengenalan, teknik *Hattawiyyah* merupakan teknik mengajar membaca al-Quran berasaskan tulisan rumi. Segala perincian mengenai teknik ini akan diterangkan dengan lebih lanjut seperti di bawah.

##### 1.3.3 (a) Biografi Pengasas Teknik *Hattawiyyah*

Teknik *Hattawiyyah* ini telah diperkenalkan oleh Drs. Muhammad Hatta Usman. Beliau dilahirkan pada 12 Julai 1947 di Dusun Pulau Jambu, Air Tiris Kecamatan Kampar, Kabupaten Kampar di Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia. Beliau mendapat pendidikan asas di Sekolah Dasar Negeri Rumbio, Kampar dan tamat darjah enam pada tahun 1960. Kemudian, melanjutkan pelajaran ke Madrasah Islamiyah Tanjung Barulak, Air Tiris dan menamatkan tingkatan enam di tahun 1966. Pada tahun 1985, beliau memperolehi Ijazah

<sup>97</sup> Rihanah, "Pengajian al-Qur'an", 64.

<sup>98</sup> Zainul Arifien, "Kaedah Pengajaran Tilawah dan Hafazan", 3.

<sup>99</sup> Istilah ini adalah merujuk kepada nama pencipta teknik *Hattawiyyah* iaitu Drs. Hj. Muhammad Hatta Usman. Lihat Maslina Binti Muhammad, "Kaedah Hattawiyyah Dalam Pengajaran al-Qur'an: Kajian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaannya di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Perak Tengah, Perak" (Disertasi, Universiti Malaya, 2006), 20.

Sarjana Muda Fakulti Usuluddin Universitas Islam Riau, Pekanbaru. Turut memperolehi Ijazah Sarjana Penuh (Drs) dari Fakulti Usuludddin jurusan Dakwah IAIN Susqa Pekanbaru pada tahun 1989.<sup>100</sup>

Beliau berpengalaman di bidang pengajaran al-Quran selama lebih kurang 30 tahun. Atas dasar pengalaman itu, beliau telah menyusun satu metode mempelajari al-Quran secara cepat yang dikenali dengan metode atau teknik *Hattawiyyah*. Sekarang beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan Bimbingan Ketrampilan Ubudiyah dan Muamalah bidang Pendidikan Agama Wilayah Riau. Menurut beliau, kriteria pelajar yang sesuai untuk diajar kemahiran membaca al-Quran dengan menggunakan kaedah ini adalah seperti berikut:

- a. Khusus kepada pelajar yang lancar membaca rumi.
- b. Untuk kanak-kanak pra sekolah hingga tahun tiga Sekolah Rendah yang dicadangkan menggunakan teknik *Qiraati* dan *Iqra'*.
- c. Sangat sesuai digunakan untuk mengajar saudara baru (*muallaf*).<sup>101</sup>

### 1.3.3 (b) Sejarah Kemasukan Teknik *Hattawiyyah* ke Malaysia

Teknik *Hattawiyyah* mula diperkenalkan secara rasminya di Malaysia pada pertengahan tahun 1994.<sup>102</sup> Di atas rasa tanggungjawab membantu pelajar Muslim mempelajari al-Quran, maka, pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menjemput pengasas teknik ini iaitu Drs. Hj. Muhammad Hatta bin Usman ke Malaysia pada November 1994.<sup>103</sup>

---

<sup>100</sup> Drs. Hj. Muhammad Hatta Usman, *Metode Belajar al-Qur'an Hattawiyyah Rasm Usmani* (cet. Pertama, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 1996), ix.

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> Maslina, "Kaedah Hattawiyyah", 57.

<sup>103</sup> *Ibid.*, 59-60.

Objektif utama undangan tersebut adalah untuk memberi taklimat serta pendedahan awal kepada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia serta guru-guru agama di semua peringkat persekolahan menengah dan rendah. Beberapa siri kursus dan bengkel susulan bagi pendedahan maklumat tentang teknik *Hattawiyyah* turut dilaksanakan. Wakil guru-guru Pendidikan Islam dari seluruh Negara juga dipanggil bagi mengikuti kursus tersebut. Untuk tujuan itu, Drs. Hj. Muhammad Hatta bin Usman telah diundang khusus sebanyak sembilan kali ke Malaysia dalam usaha memperkenalkan teknik tersebut.<sup>104</sup>

### 1.3.3 (c) Sistematika Pengajaran dan Pembelajaran Teknik *Hattawiyyah*

Teknik *Hattawiyyah* merupakan salah satu teknik mengajar al-Quran kepada pelajar-pelajar yang lemah membaca al-Quran dengan menggunakan pendekatan sebutan rumi. Teknik ini dianggap sebagai langkah sementara, langkah terakhir dan hanya untuk golongan tertentu sahaja bagi memastikan mereka tidak terus buta al-Quran.<sup>105</sup> Dalam teknik ini, huruf-huruf Arab *Hijāiyyah* dan tanda baris bacaan dipindahkan kepada sebutan rumi di awal tahap pengajaran. Setelah pelajar mampu menguasainya, penggunaan huruf-huruf Arab dikekalkan semula untuk pengajaran seterusnya.<sup>106</sup>

Penyusunan buku teknik *Hattawiyyah*<sup>107</sup> ini adalah merujuk kepada cara bacaan al-Quran yang disampaikan oleh Jibril a.s kepada Nabi Muhammad s.a.w secara *talaqqī mushāfahah*. Pengajaran dan pembelajaran al-Quran melalui teknik *Hattawiyyah* mengutamakan bimbingan guru dan latih tubi. Guru akan membimbing enam orang pelajar

---

<sup>104</sup> *Ibid.*

<sup>105</sup> Zainul Arifien, "Kaedah Pengajaran Tilawah dan Hafazan", 4.

<sup>106</sup> Mohamad Sabri bin Satar, "Keberkesanan Kaedah Hattawiyyah Dalam Pembelajaran Tilawah al-Qur'an" (Projek Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001), 22.

<sup>107</sup> Terdapat dua buah buku yang digunakan untuk pengajaran tilawah al-Quran melalui teknik *Hattawiyyah* ini. Dalam buku pertama, pelajar diajar mengenal dan menyebut kembali huruf-huruf Arab *Hijāiyyah*, tanda-tanda baris bacaan, huruf-huruf yang bersambung dalam satu kalimah dan potongan ayat-ayat pendek pelbagai baris. Dalam buku bahagian kedua pula mengandungi dua surah iaitu Surah al-Fātiḥah dan Surah al-Baqarah dari ayat 1 hingga 141. Buku bahagian kedua juga menekankan kepada pelajar beberapa perkara asas al-Quran *Rasm Uthmāni*. Lihat Sabri, "Keberkesanan Kaedah Hattawiyyah", 23 dan 25.

bagi satu sesi pengajaran selama 45 minit dan setiap sesi pengajaran, murid akan diperkenalkan sebanyak lima huruf. Pengajaran juga boleh dilakukan ke atas 40 orang pelajar atau lebih.<sup>108</sup>

Manakala pendekatan yang digunakan dalam teknik ini ialah pengenalan huruf Arab dan tanda bacaan melalui huruf rumi kecuali huruf Hamzah dan huruf Alif. Penggunaan huruf rumi ini hanya sebagai pendahuluan untuk memudahkan pelajar-pelajar mempelajari tilawah al-Quran. Setiap huruf Arab yang belum diberi tanda baca, maka huruf itu dibaca mengikut bacaan rumi seperti huruf Lam dibaca dengan L, huruf Mim dibaca dengan M.<sup>109</sup>

Pengenalan huruf awal tidak dimulakan dengan Alif kerana huruf ini tidak dibaca sebaliknya bermula huruf Lam dengan alasan huruf ini mudah diingati oleh pelajar. Manakala huruf-huruf yang susah untuk disebut dan diajar seperti Ş (ص), D (ض), Z (ظ), GH (غ) diperkenalkan di penghujung pengajaran.<sup>110</sup> Menurut pengasas teknik ini, matlamat sebenar pembelajaran menerusi teknik *Hattawiyyah* akan tercapai setelah melalui tujuh peringkat<sup>111</sup> yang telah ditetapkan.

#### 1.3.3 (d) Keistimewaan Teknik *Hattawiyyah*

Teknik *Hattawiyyah* ini amat praktikal untuk diaplikasi kepada pelajar-pelajar peringkat menengah yang masih lagi belum mencapai tahap memuaskan dalam aspek pembacaan al-Quran sekaligus mengurangkan gejala buta al-Quran dalam kalangan pelajar. Teknik ini

---

<sup>108</sup> Sekiranya pelajar melebihi 6 hingga 39 orang, guru dikehendaki memperkenalkan dua huruf setiap kali belajar. Manakala jika murid melebihi 40 orang, maka guru hanya dikehendaki memperkenalkan satu huruf sahaja setiap kali sesi pengajaran. Lihat Hatta, *Metode Belajar al-Qur'an*, 2.

<sup>109</sup> Sabri, "Keberkesanan Kaedah Hattawiyyah", 10, Hatta, *Ibid*, Jil.1, 1.

<sup>110</sup> *Ibid*.

<sup>111</sup> *Peringkat Pertama*: Menghapuskan buta huruf al-Quran selama 4 atau 5 jam. *Peringkat Kedua*: Lancar membaca al-Quran selama seminggu. *Peringkat Ketiga*: Tajwid al-Quran selama 3 bulan. *Peringkat Keempat*: Lagu al-Quran selama 3 bulan. *Peringkat Kelima*: Terjemahan al-Quran. *Peringkat Keenam*: Pengamalan al-Quran. *Peringkat Ketujuh*: Menghafaz al-Quran. Lihat Hatta, *Metode Belajar al-Qur'an*, Jil. 1, 2.

juga amat sesuai untuk diaplikasi kepada golongan saudara baru (*muallaf*) khususnya di Malaysia.

### 1.3.4 Teknik *al-Barqy*

Teknik *al-Barqy* merupakan salah satu teknik mengajar al-Quran yang dibawa masuk dari Indonesia ke tanahair Malaysia dan masih lagi digunapakai sehingga sekarang. *Al-Barqy* merupakan salah satu di antara teknik pembelajaran al-Quran yang menggunakan kaedah fonik<sup>112</sup> (bunyi) tetapi pendekatan kata kunci dijadikan sebagai teras pembelajaran dan titian ingatan.

#### 1.3.4 (a) Biografi Pengasas Teknik *al-Barqy*

Teknik *al-Barqy* ditemui dan ditulis oleh Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon, seorang Pensyarah Fakulti Adab Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel di Surabaya, Jawa Timur, Indonesia pada tahun 1965.<sup>113</sup> Teknik ini dinamakan *al-Barqy* yang bermaksud ‘kilat’ kerana ia menampilkan cara belajar mendalami dan membaca al-Quran dengan cepat.<sup>114</sup> Teknik ini dapat dinilai sebagai teknik cepat membaca al-Quran yang paling awal. Teknik ini turut disebut ANTI LUPA kerana mempunyai struktur yang apabila pelajar sudah terlupa huruf-huruf atau suku kata yang telah dipelajari, maka mereka akan mudah untuk mengingatnya kembali tanpa bantuan guru.

---

<sup>112</sup> Kaedah Fonik: Kaedah ini menekankan penguasaan hubungkait antara huruf-huruf dan bunyi-bunyi. Ia amat bersesuaian dengan susuk bahasa yang terdiri daripada suku kata yang hampir bunyinya seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Asas kaedah ini ialah mengenal dan mengingati huruf-huruf dan bunyi-bunyi sahaja tanpa perlu mengingati pola suku kata. Kaedah ini telah digunakan dan diakui oleh masyarakat Malaysia sebagai jalan terbaik dalam era permulaan bacaan samada dalam konteks Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Terdapat 4 buah buku yang diterbitkan menggunakan kaedah fonik sebagai teras pembelajarannya iaitu *Qirāati*, *Iqra'*, *al-Barqy* dan *al-Furqan*. Lihat Suraya, “Kemahiran Bacaan al-Quran”, 33, 34 dan 50.

<sup>113</sup> Komari, “Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran”, 2.

<sup>114</sup> Al-Barqi Adalah Metode Baru, dicapai 4 September 2012, <http://ahbabdawam.blogspot.com>

Penyebutan ANTI LUPA itu sendiri adalah hasil dari penelitian yang dilakukan oleh Department Agama Republik Indonesia. Di awal perkembangannya, teknik ini digunakan untuk murid sekolah rendah Islam at-Tarbiyah, Surabaya. Setelah teknik ini berjaya digunakan selama beberapa tahun di sekolah-sekolah rendah Surabaya, maka pada tahun 1978, pengasas teknik ini menulis buku pengajaran al-Quran dengan judul ‘Cara Cepat Mempelajari Bacaan al-Quran al-Barqy...Secepat Kilat’.<sup>115</sup>

Bagi memperkukuhkan lagi teknik ini terhadap masyarakat, Ustaz Muhadjir Sulthon telah menubuhkan sebuah lembaga dengan mengambil awal nama beliau sendiri iaitu Muhadjir Sulthon Manajemen (MSM). Tujuan penubuhan lembaga ini adalah untuk membantu program pemerintah dan kerajaan di Indonesia dalam usaha membanteras masalah buta baca tulis al-Quran dan membaca huruf jawi di daerah persekitaran Surabaya<sup>116</sup> dan telah pun mempunyai cabang di beberapa kota besar Indonesia, Singapura dan Malaysia.<sup>117</sup>

#### 1.3.4 (b) Sejarah Kemasukan Teknik *al-Barqy* ke Malaysia

Pada era 90an, telah muncul kaedah fonik tanpa ejaan yang menggunakan buku *Iqra’* dan *Qiraati*. Di samping itu, terdapat juga teknik-teknik lain tetapi tidak terkenal dan hanya digunakan oleh golongan tertentu sahaja seperti teknik *Hattawiyah*. Pada tahun 2002, muncul pula Kaedah Cerakinan Perkataan yang menggunakan buku *al-Barqy* sebagai teras pembelajarannya dan serentak dengan itu, teknik *al-Barqy* diperkenalkan di Malaysia sejak

---

<sup>115</sup> Komari, “Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran”, 2. Nama buku cetakan lama bagi teknik *al-Barqy* ini adalah ‘Buku Belajar Baca Tulis Huruf al-Quran Untuk TK (Taman Kanak-kanak), SD (Sekolah Dasar) dan Madrasah Ibtidaiyyah Bagi SLTP (Sekolah Lanjutan Tingkat Permulaan), SLTA (Sekolah Lanjutan Tingkat Atas) dan Orang Dewasa; Memenuhi Sistem 8 Jam’. Diterbitkan buat pertama kalinya oleh Pena Suci Surabaya pada 1992. Manakala pada cetakan baru, buku *al-Barqy* disusun oleh Muhadjir Sulthon dengan kerjasama Arwani Sali dan Md. Iskandar MYA serta diterbitkan oleh Riyaadhul Ameen Sdn. Bhd. Buku ini dicetak pada pertama kalinya sekitar Ogos 2001. Nama buku ini juga dibuat perubahan kepada ‘Kaedah Cepat Membaca al-Quran al-Barqy....Secepat Kilat’. Lihat Suraya, “Kemahiran Bacaan al-Quran”, 5-6.

<sup>116</sup> Engkizar, “Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Membaca al-Quran”, 8.

<sup>117</sup> Komari, “Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran”, 3.

tahun 2001 lagi.<sup>118</sup> Teknik ini dibawa masuk secara rasmi oleh Ustaz Iskandar Nasution<sup>119</sup>. Hanya tiga orang<sup>120</sup> sahaja dari jutaan rakyat Malaysia yang memperoleh tauliah mengajar teknik *al-Barqy* terus dari Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon. Namun, penggunaan teknik ini belum lagi meluas dan ianya tidak begitu popular di Indonesia mahupun di luar Negara seperti Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam berbanding dengan teknik-teknik lain seperti teknik *Baghdadiyyah*, *Qiraati* dan *Iqra'*.<sup>121</sup> Sehingga kini, teknik *al-Barqy* masih lagi digunapakai di sekolah-sekolah tertentu di Malaysia. Antara sekolah yang dikenalpasti oleh penulis yang masih mengamalkan teknik ini adalah di Sekolah Tahfiz Darul Furqan, Padang Balang, Sentul, Kuala Lumpur.

#### 1.3.4 (c) Sistematika Pengajaran dan Pembelajaran Teknik *al-Barqy*

Sistem yang disusun di dalam buku *al-Barqy* menekankan sistem 4P iaitu Pengisian<sup>122</sup>, Pengamatan Bentuk dan Bunyi Huruf<sup>123</sup>, Pemilihan dan Pemisahan<sup>124</sup> serta Pemandaran Kata<sup>125</sup>. Teknik *al-Barqy* menggunakan teknik kata kunci yang harus dihafal dengan

---

<sup>118</sup> Suraya, "Kemahiran Bacaan al-Quran", iii dan 19.

<sup>119</sup> Ustaz Iskandar Nasution merupakan warganegara Singapura. Beliau adalah individu yang bertanggungjawab membawa dan memperkenalkan teknik *al-Barqy* di Malaysia. Ustaz Jalaluddin Bin Hj. Hassanuddin, (Pengasas Teknik Al-Baghdadi, Yayasan Al-Baghdadi, Prima Gombak, Selangor) dalam temubual dengan penulis, 18 Oktober 2012.

<sup>120</sup> Tiga individu yang dimaksudkan memperoleh tauliah terus dari Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon adalah: Ustaz Arwani Sali (Pengasas Kaedah Asy-Syaathir), Ustaz Iskandar Nasution dan Ustaz Jalaluddin bin Hj. Hassanuddin Al-Baghdadi. *Ibid*.

<sup>121</sup> Engkizar, "Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Membaca al-Quran", 8.

<sup>122</sup> Pengisian merupakan tahap pengenalan kata-kata kunci. Konsep hafalan digunakan agar menjadi kelaziman kepada setiap pelajar. Tajuk-tajuk baru di tahap ini dikenali sebagai tahap pengenalan berbentuk pindahan. *Ibid*, 9.

<sup>123</sup> Pengamatan merupakan tahap di mana pelajar disuruh menyebut kata-kata kunci yang telah dihafal sambil melihat huruf-huruf yang ditunjukkan oleh guru. Kaedah ini dilakukan secara berulang-ulang dengan irama cepat dan lambat sehingga pelajar mengenali bacaan huruf satu persatu. *Ibid*.

<sup>124</sup> Pemilihan dan Pemisahan ditunjukkan dalam 6 baris. Ini disebabkan kekeliruan pelajar banyak bergantung kepada tahap ini. Tanpa pengamatan yang teliti, pelajar tidak dapat mendatangkan bunyi-bunyi kerana konsep pembelajaran *al-Barqy* tidak menggunakan gabungan bunyi-bunyi berbentuk tunggal tetapi terus kepada pengenalan huruf-huruf bersambung. *Ibid*, 9-10.

<sup>125</sup> Pemandaran Kata diletakkan dua baris terakhir setiap muka surat adalah bertujuan menilai pelajar menyebut perkataan baru yang dihasilkan daripada bunyi-bunyi yang telah dipelajari. Huruf-huruf yang sudah dikuasai bunyinya dipadu antara satu sama lain dengan cara digabung-bunyi. *Ibid*.

pendekatan global (*Gestald Psychology*) dan bersifat analitik sintetik. Teknik ini juga menggunakan empat kata kunci dan setiap kata kunci terdiri dari empat suku kata iaitu:

- a. A – DA – RA – JA = ادرج
- b. MA – HA – KA – YA = م ح ك ي
- c. KA – TA – WA – NA = ك ت و ن
- d. SA – MA – LA – BA = س م ل ب

Kata kunci di atas merupakan kata kunci yang terdapat di dalam buku *al-Barqy* cetakan lama, manakala kata kunci di dalam buku cetakan baru diolah oleh pengasas teknik ini menjadikannya seperti berikut:

- a. NA – MA – SA – YA = ن م س ي
- b. KA – TA – JA – WA = ك ت ج و
- c. KA – TA – RA – HA = ك ت ر ح
- d. A – DA – LA – BA = ا د ل ب<sup>126</sup>

Setiap kata kunci mempunyai makna sehingga ianya mudah difahami dan dihafaz yang kemudiannya dapat digunakan sebagai kunci rujukan sekiranya pelajar-pelajar telah terlupa. *Al-Barqy* cetakan lama mendedahkan pelajaran *tanwīn* selepas diperkenalkan kesemua huruf *Hijāiyyah* sebaliknya *al-Barqy* cetakan baru memperkenalkan pelajaran *tanwīn* selepas kata kunci dan selepas pelajaran huruf pindaan.<sup>127</sup>

#### 1.3.4 (d) Keistimewaan Teknik *al-Barqy*

Teknik *al-Barqy* menggunakan teknik pengajaran yang berkesan melalui perkara-perkara berikut iaitu:

---

<sup>126</sup> Suraya, “Kemahiran Bacaan al-Quran”, 7.

<sup>127</sup> *Ibid.*

- i. Menggalakkan daya ingatan anak-anak dengan menggunakan titian ingatan iaitu proses yang mana perkara yang baru boleh dikaitkan dengan perkara yang telah diketahui oleh murid.
- ii. Pengelompokan bunyi atau bentuk untuk memindahkan huruf yang telah dikenal kepada huruf yang baru.
- iii. Menggunakan titian unta iaitu urutan yang mengarah dalam bentuk kalimat-kalimat berirama dalam mengajarkan *sukūn* dan *tashdīd*.
- iv. Membiasakan anak-anak dengan sebutan huruf dan tajwid yang betul melalui bacaan kalimat-kalimat serta nasyid yang berirama.
- v. Membiasakan anak-anak membaca ayat-ayat al-Quran secara berterusan daripada peringkat awal lagi. Kemunculan sesuatu bentuk dan bunyi huruf yang baru dipelajari dan ditonjolkan pada ayat yang berkenaan.<sup>128</sup>
- vi. Menggunakan sistem 8 jam iaitu hanya dengan tempoh 8 jam pelajar sudah dapat membaca dan menulis huruf al-Quran.
- vii. Tidak membosankan kerana adanya teknik-teknik yang akurat dan menarik seperti menyanyi, permainan dan lain-lain.
- viii. Bukunya dilengkapi dengan *imlāk* yang praktis dan menulis *khat* serta dilengkapi dengan buku latihan menulis *al-Barqy* (LKS).
- ix. Cepat dapat membaca huruf bersambung.<sup>129</sup>

Teknik ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja mahupun dalam kalangan kanak-kanak atau golongan dewasa. Teknik ini mempunyai keunggulan di mana para pelajar tidak akan lupa sehingga dapat MEMPERMUDAH dan MEMPERCEPAT mereka belajar

---

<sup>128</sup> Suraya, "Kemahiran Bacaan al-Quran", 10-11.

<sup>129</sup> Metode al-Barqi, dicapai 4 September 2012, <http://41-b4rq1.blogspot.com>

membaca secara tidak langsung. Justeru, waktu belajar membaca al-Quran dapat disingkatkan.<sup>130</sup>

### 1.3.5 Teknik *Iqra'*

Teknik *Iqra'* adalah satu teknik pengajaran membaca al-Quran yang disusun sebagai usaha mengemaskini atau mengubahsuai teknik lama (*Baghdadiyyah*) agar tujuan belajar membaca al-Quran tercapai dalam waktu yang singkat. Kupasan lanjut mengenai teknik ini adalah seperti berikut.

#### 1.3.5 (a) Biografi Pengasas Teknik *Iqra'*

Teknik ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam yang merupakan Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musolla Yogyakarta berdasarkan pengalaman beliau mengajar al-Quran sejak tahun 1950 dan melalui percubaan serta penyelidikan yang mendalam dalam bidang pengajian al-Quran.<sup>131</sup>

Setelah lama menggunakan teknik *Baghdadiyyah*, beliau kemudiannya beralih menggunakan teknik *Qiraati* selama tiga tahun. Melalui teknik *Qiraati*, beliau telah menemui beberapa perkara yang masih perlu disempurnakan untuk kepentingan para pelajarnya. Namun, pihak penyusun teknik *Qiraati* kurang memberi sambutan dan berpegang teguh dengan cara yang telah disusunnya. Atas dasar itu, setelah tidak berjaya mengadakan penyempurnaan, beliau menyusun sendiri kaedahnya ini dan penyusunan huraianya hampir tidak berbeza dengan teknik *Qiraati*.<sup>132</sup>

Teknik *Iqra'* yang diperkenalkan di tahun 1988 pada mulanya hanyalah digunakan dalam Majlis Tadarus Remaja di Wilayah Yogyakarta dan sekitarnya yang diadakan di

---

<sup>130</sup> Komari, "Metode Pengajaran Baca Tulis al-Quran", 3.

<sup>131</sup> Alwi, Adel dan Kamel, "Keberkesanan *Iqra'*", 3.

<sup>132</sup> Usep Fathuddin, "Metode Belajar Membaca al-Quran Secara Cepat di Indonesia" (Kertas Kerja Seminar Kaedah Membaca al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 22-25 Julai 1994), 3.

masjid-masjid dan *musolla* seminggu sekali. Lebih 600 Majlis Tadarus Remaja telah berjaya ditubuhkan dan kemudiannya dikembangkan oleh aktivis Tadarus Remaja ini dengan membimbing anak-anak pengajian di kelompok masing-masing. Teknik ini boleh dianggap berjaya apabila terbukti kanak-kanak yang berusia enam tahun yang mengikuti program ini telahpun mampu membaca al-Quran.<sup>133</sup>

Dengan kejayaan yang dicapai, teknik *Iqra'* telah tersebar luas ke seluruh Indonesia. Pelbagai badan dakwah dan organisasi Islam serta organisasi kerajaan mengendalikan kursus teknik *Iqra'*. Kejayaan tersebut telah menarik minat Negara-negara jiran seperti Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam dalam usaha mengambil manfaat dari teknik *Iqra'* ini.<sup>134</sup>

#### 1.3.5 (b) Sejarah Kemasukan Teknik *Iqra'* ke Malaysia

Teknik *Iqra'* telahpun mula diperkenalkan secara beransur-ansur di Malaysia bermula tahun 1992. Berdasarkan hasil keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KBSM pada Januari 1994 telah memutuskan bahawa murid-murid Tahun Satu sekolah kebangsaan mesti diberi penekanan pendidikan dengan menggunakan teknik *Iqra'* dalam jangkamasa enam bulan bermula sesi persekolahan 1994/1995.<sup>135</sup> Setelah melalui tempoh percubaan pertama pada tahun 1994 selama lebih kurang enam bulan di beberapa buah sekolah di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia akhirnya telah menetapkan pengajaran tilawah al-Quran Tahun Satu di sekolah-sekolah kebangsaan sesi persekolahan 1995 menggunakan teknik ini. Murid Tahun Satu

---

<sup>133</sup> H. Muhammad Jazir ASP, "Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca al-Quran" (Kertas Kerja Seminar Kaedah Membaca al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 22-25 Julai 1994), 17.

<sup>134</sup> Alwi, Adel dan Kamel, "Keberkesanan Iqra'", 4.

<sup>135</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, "Buku Panduan Pelaksanaan Program Iqra' dan Jawi Enam Bulan Pertama" (Buku panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, 2004), 1.

dikehendaki memiliki buku teknik *Iqra'* dan mengikuti kelas kemahiran al-Quran sepanjang enam bulan pertama persekolahan.<sup>136</sup>

Teknik ini kemudiannya diteruskan dan dilaksanakan di bawah program j-QAF bermula pada tahun 2005 sehingga sekarang hasil inspirasi mantan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi demi memastikan semua murid yang tamat sekolah rendah bukan setakat boleh menguasai bacaan al-Quran, malahan dapat mengkhatamkan al-Quran di peringkat rendah lagi.<sup>137</sup>

### 1.3.5 (c) Sistematika Pengajaran dan Pembelajaran Teknik *Iqra'*

Berkenaan dengan sistematika pengajaran dan pembelajaran menerusi teknik *Iqra'* ini akan penulis bincangkan secara terperinci di dalam bab tiga.

### 1.3.6 (d) Keistimewaan Teknik *Iqra'*

Di antara keistimewaan modul teknik *Iqra'* adalah murid-murid akan membaca secara terus tanpa mengeja terlebih dahulu. Pendekatan bacaan secara *Talaqqi Mushāfahah* dipraktiskan. Penulisan buku *Iqra'* pula adalah berorientasikan tulisan *Rasm Uthmāni* dan berpandukan Teknik Pengajaran Cara Belajar Murid Aktif (CBMA). Teknik ini secara keseluruhannya amat praktis, sistematik, komunikatif dan sangat fleksibel. Dari segi penilaian, pelajar akan dinilai berdasarkan pencapaian individu yang memungkinkan wujudnya suasana persaingan dan interaksi aktif. Turut diterapkan ilmu Tajwid secara langsung.

---

<sup>136</sup> Alwi, Adel dan Kamel, "Keberkesanan *Iqra'*", 2.

<sup>137</sup> Naim, "Pencapaian Tilawah al-Qur'an Melalui Kaedah *Iqra'*", 102.

### 1.3.7 Teknik *Al-Baghdadi*

Teknik *Al-Baghdadi* merupakan salah satu di antara teknik alternatif membaca al-Quran yang kontemporari. Unikunya teknik ini adalah ianya diperkenalkan oleh seorang anak Malaysia iaitu Ustaz Jalaluddin bin Haji Hassanuddin Al-Baghdadi. Banyak lagi keunikan mempelajari teknik ini yang akan dikupas oleh penulis.

#### 1.3.6 (a) Biografi Pengasas Teknik *Al-Baghdadi*

Ustaz Jalaluddin bin Haji Hassanuddin dilahirkan pada 15 Januari 1970 di Kampung Berhala Gantang, Pahang. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian al-Quran dari Universiti Saddam, Baghdad, Iraq pada tahun 1998. Berpengalaman sebagai Pegawai Penyelidik AASHSB selama 4 tahun, Ketua Pegawai Dakwah WSSB selama 5 tahun, Ketua Pegawai Eksekutif AUSB selama 2 tahun, Lembaga Pengarah EZ Qurban Sdn. Bhd, Lembaga Pengarah Syihab Resources dan Lembaga Pengarah Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd. Beliau juga berpengalaman menyusun dan mengendalikan program kursus dan latihan kepada guru-guru serta ibubapa di seluruh Negara hampir 10 tahun khususnya di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan Bahasa Arab. Berpengalaman mengendalikan kursus perguruan teknik *al-Barqy* selama 8 tahun.<sup>138</sup>

#### 1.3.6 (b) Sejarah Teknik *Al-Baghdadi* diperkenalkan<sup>139</sup>

Minat yang mendalam dalam bidang pengajian al-Quran menuntut Ustaz Jalaluddin mempelajarinya tanpa mengenal erti jemu. Beliau pernah berguru dengan Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon menerusi teknik *al-Barqy*. Sepanjang berguru dengan Allahyarham

---

<sup>138</sup> Ustaz Jalaluddin Bin Hj. Hassanuddin, (Pengasas Teknik Al-Baghdadi, Yayasan Al-Baghdadi, Prima Gombak, Selangor) dalam temubual dengan penulis, 18 Oktober 2012.

<sup>139</sup> *Ibid.*

Ustaz Muhadjir Sulthon, beliau merasakan ada sesuatu yang tidak terluah oleh tuan gurunya ketika mengajarkan al-Quran. Contohnya ketika mengajar hukum *mad* (berpandukan buku *al-Barqy*), tuan gurunya menerangkan bahawa cara bacaan *mad* yang betul adalah mesti diberikan satu huruf dengan satu *note* (titik) atau ketukan. Manakala dua huruf umpamanya Mā (Mim Alif) pula mesti diberikan dua *note* atau ketukan. *Note* atau ketukan yang dilakukan dalam sesi pembelajaran ketika itu adalah dengan menggunakan pensel. Cara pembelajaran sebegini membuatkan Ustaz Jalaluddin terfikir bermungkinan ada sesuatu yang boleh diperkembangkan hasil dari ketukan tersebut. Bermula dari situ, beliau mendapat ilham dari Yang Maha Esa untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik dari sudut pengajaran dan pembelajaran ilmu membaca al-Quran. Terpengaruh dengan kaedah mengajar al-Quran teknik *al-Barqy*, beliau akhirnya menemui jawapan kepada persoalan yang sering bermain di mindanya dengan terciptanya ‘alat ketuk’ sebagai alat bantu mengajar membaca al-Quran.

Pada Mac 2009, secara rasminya terhasillah satu teknik inovasi membaca al-Quran menggunakan ‘alat ketuk’ yang diasas serta direka sendiri oleh Ustaz Jalaluddin. Teknik yang dihasilkan diberi nama ‘*Al-Baghdadi*’. Menurut beliau, penjenamaan teknik ini sebagai teknik *Al-Baghdadi* adalah kerana dua sebab. Sebab pertama bersempena mengambil nama tempat pengajian pendidikan beliau iaitu dari Baghdad manakala sebab kedua adalah kerana beliau ingin mengembalikan semula kegemilangan pengajian ilmu al-Quran (yang berasal dari Baghdad menerusi teknik *Baghdadiyyah*) ke kota Baghdad.

Dari situ, beliau gigih bergerak ke hadapan dalam rangka memperkenalkan teknik inovasi ini. Kursus perunding teknik *Al-Baghdadi* giat diadakan. Lebih membanggakan, dalam masa satu tahun sahaja (2011), teknik ini telah mendapat sambutan yang cukup hebat dalam kalangan ibubapa, guru-guru al-Quran dan masyarakat Malaysia. Sehingga kini telah

lahir lebih dari 375 cawangan Al-Baghdadi Learning Centre (ALC) di seluruh Negara dalam masa sesingkat itu. Teknik ini telah diperluas lagi sehingga ke Negara jiran Singapura dan Brunei.

Beliau mensasarkan akan mempunyai seramai 350,000 orang pelajar dan 1,000 cawangan dari seluruh Malaysia menjelang tahun 2013 iaitu bersempena 5 tahun teknik ini diperkenalkan. Sekarang, beliau dalam proses menyiapkan Sijil Asas Perguruan al-Quran<sup>140</sup> dengan kerjasama Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

#### 1.3.6 (c) Sistematika Pengajaran dan Pembelajaran Teknik *Al-Baghdadi*

Berkenaan dengan sistematika pengajaran dan pembelajaran menerusi teknik *Al-Baghdadi* ini akan penulis bincangkan secara terperinci di dalam bab tiga.

#### 1.3.6 (d) Keistimewaan Teknik *Al-Baghdadi*

Keunikan teknik yang menggunakan ‘alat ketuk’ ini mempunyai beberapa keistimewaan yang tersendiri, di antaranya adalah:

- a. Mewujudkan suasana pembelajaran yang sangat ceria dan menyeronokkan.
- b. Menghasilkan satu tahap mekanisma bacaan asas al-Quran yang tinggi.
- c. Memberikan hasil bacaan yang berintonasi yang memiliki disiplin bacaan yang tinggi.
- d. Memberikan kesan aktiviti latih tubi yang tidak akan menjemukan.

---

<sup>140</sup> Sijil Asas Perguruan Al-Quran ini merupakan satu-satunya program yang pertama kali diperkenalkan di Malaysia. Program ini diadakan bagi memenuhi keperluan guru al-Quran di Pusat Pembelajaran Al-Quran teknik *Al-Baghdadi* (ALC) yang kini semakin bertambah di seluruh negara. Modul Sijil Asas Perguruan Al-Quran Teknik Al-Baghdadi ini disusun sepenuhnya oleh Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pengambilan pertama adalah pada Januari 2013. Sebanyak 100 tempat disediakan bagi mereka yang berminat mengikuti program ini. Sesi pengajian akan dilaksanakan selama dua semester (6 bulan) dan waktu pembelajaran adalah pada setiap hari Sabtu berselang minggu. Pengajian sepenuhnya akan bertempat di Akademi Al-Baghdadi, Taman Prima Gombak, Batu Caves, Selangor. Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd, dicapai 8 Oktober 2012, [www.albaghdadi.com.my](http://www.albaghdadi.com.my).

- e. Menggerakkan fungsi otak kiri dan otak kanan secara serentak di dalam proses pembelajaran.
- f. Mempercepatkan proses pembelajaran al-Quran.
- g. Mampu menarik minat yang mendalam untuk mempelajari al-Quran.<sup>141</sup>
- h. Teknik pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang menjimatkan masa kerana buku yang digunapakai adalah ringkas dan padat.

### 1.3.7 Teknik *al-Matien*

Teknik ini telah dihasilkan dan diperkenalkan oleh dua orang lagi anak tempatan Malaysia iaitu Ustaz Hj. Mohd Zamri Mohd Zainuldin dan Ustaz Hj Mohd. Wahid Abd Hanif sekitar tahun 2009.<sup>142</sup> Maklumat lengkap berkenaan teknik alternatif ini akan dibincangkan dengan lebih menyeluruh seperti di bawah.

#### 1.3.8 (a) Biografi Pengasas Teknik *al-Matien*

Ustaz Hj. Mohd Zamri Bin Mohd Zainuldin dilahirkan pada 11 Januari 1979 di Tanjung Karang, Selangor dan kini menetap di Rawang, Selangor. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Pengajian Islam dari Universiti Hashemite, Zarqa', Jordan. Beliau terlibat secara aktif dalam bidang latihan dan motivasi bersama Mantop Training and Consultancy Sdn. Bhd serta baru selesai melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di Universiti Antarabangsa Madinah dalam bidang Tafsir wa Ulum Al-Quran. Kini sebagai Pengarah Urusan Mantop Training and Consultancy.

---

<sup>141</sup> Jalaluddin Bin Hj. Hassanuddin dan Arlinda Binti Maik, "Teknik Al-Baghdadi Pencetus Inovasi Pendidikan al-Qur'an" (Kertas Kerja Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT) Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), 1.

<sup>142</sup> Us. Hj. Mohd. Zamri Mohd Zainuldin dan Us. Hj. Mohd. Wahid Abd. Hanif, *Mantap Mengaji Kaedah al-Matien* (cet. Pertama, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2009), iii.

Beliau berpengalaman mengendalikan pelbagai latihan yang melibatkan *soft skill* di agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti JPM, MPM, Pos Malaysia, KUIS, LHDN, Takaful Ikhlas, Perodua, dan banyak lagi. Beliau juga bertindak sebagai jurulatih kepada program Kursus Bina Insan, Lembaga Zakat Selangor sejak tahun 2009. Kini, beliau bergerak secara aktif dalam mengendalikan program motivasi kepada pelajar IPT dan sekolah serta telah mengendalikan lebih 50 Kem Smart Solat.<sup>143</sup>

Nama beliau juga tidak asing dalam mewarnai program berbentuk ilmiah dan keagamaan yang disiarkan di kaca televisyen seperti muncul sebagai pengacara Ustaz Zamri Bercerita TV9, Program Realiti TV Adik-adikku TV1, Juri Akademi al-Quran TV9 (2006, 2007 dan 2008 bahagian Tajwid dan Faṣoḥah), pernah berpenampilan di TV3 untuk slot Motivasi Pagi, Wanita Hari Ini serta menghiasi ruangan di dada akhbar seperti Harian Metro, Berita Harian dan lain-lain lagi.<sup>144</sup>

Ustaz Haji Mohamad Wahid Abd. Hanif dilahirkan pada 7 April 1980. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Hulu Kelang, Selangor sebelum melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Agama Ihsaniah di Kampung Jangkang, Kedah. Seterusnya beliau memasuki Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah.

Beliau berkelulusan B.A (Hons) Usuludin (Akidah dan Falsafah) Universiti al-Azhar, Mesir. Aktif dalam mengajar al-Quran dan penulisan buku serta majalah. Kini beliau berkhidmat di Telaga Biru Sdn. Bhd sebagai Editor Syariah.<sup>145</sup>

---

<sup>143</sup> Mantop Training and Consultancy Sdn. Bhd., dicapai 16 Oktober 2012, <http://www.mantop.com.my>

<sup>144</sup> *Ibid.*

<sup>145</sup> Zamri dan Wahid, *Mantap Mengaji Kaedah al-Matien*, ix.

### 1.3.7 (b) Sejarah Teknik *al-Matien* diperkenalkan di Malaysia<sup>146</sup>

Teknik ini membincangkan mengenai satu teknik baru dalam pembacaan al-Quran iaitu teknik *al-Matien*. Penghasilan kepada teknik *al-Matien* ini bermula bilamana Ustaz Zamri dapat mengenalpasti beberapa kelemahan pelajar terhadap pengajian bacaan al-Quran ketika beliau mengendalikan slot Mari Mengaji di TV9. Atas dasar pengalaman tersebut, beliau telah memikirkan cara terbaik untuk mengajar pelajar belajar membaca al-Quran dengan berbincang bersama guru-guru al-Quran termasuklah bersama Ustaz Haji Mohamad Wahid Abd. Hanif.

Oleh demikian, tercetuslah teknik *al-Matien* hasil dari gabungan teknik lama (*Baghdadiyyah*) dan teknik baru (*Iqra'*). Gabungan kedua-dua teknik tersebut adalah sebagai menampung mana-mana kekurangan yang ada khususnya teknik *Iqra'*. Menurut Ustaz Zamri, teknik ini diberi nama *al-Matien* bersempena mengambil salah satu dari nama-nama Allah iaitu '*al-Matien*' yang bermaksud 'kekuatan' agar pembaca yang menggunakan teknik ini akan memperoleh kekuatan dari sudut pembacaan al-Quran.

Sekalipun mengasaskan teknik *al-Matien*, Ustaz Zamri tidak ketinggalan mengajar al-Quran menggunakan teknik ini kepada pelajar-pelajarnya. Teknik ini turut diajar kepada anak-anak beliau di samping ianya digunakan secara meluas di salah sebuah pusat pengajian di Taman Daya, Johor Bharu.

Menurut Ustaz Zamri lagi, teknik ini tidak sesuai digunakan kepada mereka yang ingin menamatkan sukatan dalam tempoh yang singkat kerana dikhuatiri ianya akan menyebabkan pelajar gagal menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Oleh itu, teknik ini tidak menekankan untuk pelajar menghabiskan awal sukatan yang telah ditetapkan. Namun,

---

<sup>146</sup> Us. Hj. Mohd. Zamri Mohd Zainuldin, (Penasas Teknik *al-Matien*), dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2012.

menurutnya, tempoh bagi menguasai teknik ini adalah berbeza-beza dan bergantung kepada kemampuan serta tahap penguasaan setiap pelajar.

#### 1.3.7 (c) Sistematika Pengajaran dan Pembelajaran Teknik *al-Matien*

Penulisan di dalam buku *al-Matien* ini adalah mengikut format *Rasm Uthmāni* di mana pelajar akan diajar untuk mengenali huruf-huruf *Hijāiyyah* terlebih dahulu sebelum masuk ke fasa seterusnya iaitu bacaan huruf berbaris. Ini adalah supaya para pelajar tidak keliru untuk mengenali huruf-huruf *Hijāiyyah* apabila sudah mula membaca.

Buku yang diterbitkan menerusi teknik ini terdapat dalam 2 jilid. Di dalam jilid 1, penekanan diberikan kepada tanda, baris dan hukum-hukum tajwid di mana setiap jilidnya disusun mengikut tanda, baris dan hukum tajwid. Ia dimulakan dengan huruf-huruf *Hijāiyyah*, baris-baris dan tanda-tanda bacaan yang mana kesemuanya terkandung di dalam buku *al-Matien 1* (jilid 1). Manakala di dalam buku *al-Matien 2* (jilid 2) pula terkandung hukum-hukum tajwid sehinggalah kepada tanda-tanda *waqaf*. Dalam pada itu, teknik ini turut menekankan makhraj dan sifat huruf itu sendiri.<sup>147</sup>

#### 1.3.7 (d) Keistimewaan Teknik *al-Matien*

Terdapat beberapa keistimewaan mempelajari al-Quran menggunakan teknik *al-Matien* ini.

Antaranya adalah:

- i. Mengikut format *Rasm Uthmāni*.
- ii. Menekankan penguasaan huruf *Hijāiyyah* dahulu sebelum mula belajar membaca.
- iii. Tidak perlu mengeja, hanya lihat dan sebut.
- iv. Penggunaan warna untuk bantuan pembelajaran.
- v. Meletakkan tanda warna pada tempat yang dimaksudkan.

---

<sup>147</sup> Zamri dan Wahid, *Mantap Mengaji Kaedah al-Matien*, iii.

- vi. Pendekatan potongan ayat secara berperingkat.
- vii. Teknik-teknik hukum tajwid yang mudah dan jelas.
- viii. Gambarajah *makhraj* dan sifat huruf serta beberapa hukum disediakan agar dapat diketahui dengan lebih mudah dan jelas.
- ix. Penerangan ringkas dan padat.
- x. Mudah merujuk nama surah serta ayat yang dimasukkan (buku *al-Matien 2* sahaja).<sup>148</sup>

#### 1.4 Kesimpulan

Berdasarkan kepada apa yang telah penulis perelaskan mengenai teknik -teknik bacaan al-Quran yang digunapakai di Malaysia sebelum ini, sukacitanya penulis merumuskan keseluruhan teknik yang dinyatakan tersebut di dalam jadual 1.1 di bawah bagi memudahkan pembaca mendapat gambaran ringkas terhadap setiap teknik seperti berikut.

**Jadual 1.1 Teknik-teknik Bacaan al-Quran Yang Digunapakai di Malaysia**

<b>TEKNIK</b>	<b>PENGA-SAS</b>	<b>MULA DIPERKE-NALKAN DI MALAYSIA</b>	<b>SISTEMATIKA P&amp;P</b>	<b>KEISTIMEWAAN</b>
<b>Baghdadiyyah</b>	Abu Mansor Hafzul Fikri Al-Baghdadi, tahun 376H.	Bermula dengan kedatangan Islam ke Negara ini.	Menggunakan teknik mengeja dan membunyikan ejaan berpandukan kitab <i>Muqaddam</i> .	Teknik mengeja yang dikembangkan merupakan daya penarik yang tersendiri.

<sup>148</sup> Zamri dan Wahid, *Mantap Mengaji Kaedah al-Matien*, halaman kulit belakang.

TEKNIK	PENGA-SAS	MULA DIPERKE-NALKAN DI MALAYSIA	SISTEMATIKA P&P	KEISTIMEWAAN
<b>Hattawiy-yah</b>	Drs. Muham-mad Hatta Usman, Semarang, Indonesia	Diperkenalkan pada pertengahan tahun 1994, pengasasnya telah dijemput oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia pada November 1994.	Sesuai kepada pelajar yang boleh membaca rumi dan <i>Muallaf</i> . Huruf-huruf Arab <i>Hijāiyyah</i> dan tanda baris bacaan dipindahkan kepada sebutan rumi di awal tahap pengajaran. Penggunaan huruf-huruf Arab dikekalkan semula untuk pengajaran seterusnya setelah pelajar dapat menguasainya.	Teknik yang amat praktikal untuk diaplikasi kepada pelajar-pelajar peringkat menengah yang masih lemah dan belum mencapai tahap memuaskan dalam aspek pembacaan al-Quran sekaligus mengurangkan gejala buta al-Quran dalam kalangan pelajar. Juga amat sesuai diaplikasi kepada golongan saudara baru ( <i>muallaf</i> ).
<b>Al-Barqy</b>	Allahyar-ham Ustaz Muhadjir Sulthon, tahun 1978	Teknik ini dibawa masuk secara rasmi oleh Ustaz Iskandar Nasution pada tahun 2001.	Menggunakan teknik kata kunci yang harus dihafal dengan pendekatan global ( <i>Gestald Psychology</i> ) dan bersifat analitik sintetik.	Menggalakkan daya ingatan anak-anak dengan menggunakan titian ingatan. Menggunakan sistem 8 jam.
<b>Iqra'</b>	Al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam, tahun 1988, Wilayah Yogyakarta, Indonesia	Diperkenalkan secara beransur-ansur bermula tahun 1992 dan pada 1995, Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan pengajaran tilawah al-Quran tahun satu di sekolah-sekolah kebangsaan sesi persekolahan menggunakan teknik ini.	Bakal dihuraikan secara terperinci di dalam bab 3	Pendekatan berorientasikan konsep " <i>Tadarruj</i> " dan menggunakan <i>Rasm Uthmāni</i> . Latih tubi yang sesuai. Praktis, sistematik dan komunitif. Mewujudkan suasana persaingan dan interaksi aktif serta menerapkan ilmu Tajwid secara praktis.

TEKNIK	PENGA-SAS	MULA DIPERKE- NALKAN DI MALAYSIA	SISTEMATIKA P&P	KEISTIMEWAAN
<b>Al- Matien</b>	Ustaz Hj. Mohd Zamri Mohd Zainuddin dan Ustaz Hj Mohd. Wahid Abd Hanif	Diperkenalkan sekitar tahun 2009	Buku jilid 1 menekankan tanda, baris dan hukum- hukum tajwid, buku jilid 2 mangandungi hukum-hukum tajwid sehinggalah kepada tanda- tanda <i>waqaf</i> .	Menggunakan <i>Rasm Uthmāni</i> , tidak perlu mengeja tetapi hanya lihat dan sebut, penggunaan warna yang menarik, gambarajah makhraj huruf disertakan, penerangan ringkas dan padat.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai teknik bacaan al-Quran yang telah berkembang dan digunakapakai di dalam sistem pendidikan al-Quran di Malaysia samada secara formal ataupun tidak formal. Di sini, penulis hanya mendatangkan hanya tujuh teknik bacaan al-Quran yang paling utama dan popular yang digunakan dan diajar kepada kebanyakan para pelajar Islam khususnya di Malaysia. Objektif kepada pengasasan setiap teknik belajar al-Quran ini bukanlah untuk memperlihatkan teknik mana yang paling hebat dan baik tetapi sudah tentulah kewujudannya bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar terutamanya kanak-kanak agar mahir dan boleh membaca al-Quran dengan begitu baik.